

Jiwa Navaratnam masih ketagih kerja

BH 24 DEC 2000



Oleh ZAINUDIN ISA

MENGENALI peribadinya secara dekat, Ramon Navaratnam sebenarnya lebih mesra berbanding iras mukanya yang agak garang dan penuh gaya disiplin.

Tapi, itulah ciri kebanyakan penuntut tahun 1950-an, apatah lagi graduan kelahiran Universiti Malaya di Singapura yang tentunya terdedah dengan semangat kebangsaan yang cukup kuat.

"Ketika itu di Singapura, tidak kira penuntut bangsa apa, Melayu, India dan Cina, kami bersatu hati.

"Maklumlah, bahang kemerdekaan begitu kuat ketika itu. Kita mahu Tanah Melayu bebas sepenuhnya daripada penjajah Inggeris," katanya.

Dan, semangat cinta negara itu terus melekat dan masih segar di jiwa Navaratnam sehinggalah hari ini, meskipun dirinya sudah lama melepasi umur bersara.

"Saya suka menjadi nasionalis. Idola saya yang paling dekat ialah Dr Mahathir (Perdana Menteri). Selagi fikiran dan daya kekuatan saya masih diperlukan, selagi itulah saya memberi sumbangan," tegas Penasihat Korporat Kumpulan Sungei Way itu ketika ditemui di pejabatnya Tingkat 18, Menara Sunway, Petaling Jaya, baru-baru ini.

Dengan falsafah itulah, Navaratnam yang sudah bergelar datuk masih gigih ke pejabat, meskipun umur melewati usia 65 itu hanya sesuai berehat di rumah saja.

Menurut bekas Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan itu, ketika di Singapura, beliau bersama beberapa pelajar Melayu seperti Tan Sri Musa Hitam (bekas Timbalan Perdana Menteri) dan Tan Sri Sallehuddin Mohamed (Pengerusi Eksekutif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) berpadu tenaga dengan penuntut Cina dan India memperjuangkan kemerdekaan tanah air.

"Jika pelajar Melayu bergerak melalui Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), kami pula aktif dalam Kelab Demokratik.

"Kami menubuhkan Kelab Demokratik sekitar 1958 dengan matlamat mengimbang peranan Kelab Fajar yang lebih bersifat sosialis.

"Masa itu kita benar-benar 'berlaga' minda, ideologi, semangat dan perjuangan dengan sesiapa saja yang cuba memper-main-mainkan erti kemerdekaan yang kita laungkan.

"Kita juga berpadu mengadakan debat dan dialog dengan beberapa tokoh seperti Sir David Mashall, Lee Kuan Yew dan Tunku Abdul Rahman." katanya yang menjadikan asrama pelajar di Dunearn Road, di Bukit Timah sebagai markas gerakan.

Navaratnam mengakui sejak di bangku sekolah lagi beliau tidak begitu berminat terhadap pelajaran.

Sikap nakalnya itu amat membimbangkan ibunya, Ruth dan bapanya, R Navaratnam.

"Pada masa itu, menghantar anak ke universiti bukan perkara mudah. Keluarga kami miskin dan dengan pendapatan bapa sebagai pembantu pejabat di Jabatan Kerja Raya tentulah tidak mencukupi.

"Tapi, ibu saya bersungguh-sungguh sehingga dia sanggup menjadi guru sambil-lan di waktu petang untuk memberi pelajaran kepada saya," kata anak sulung kepada lima beradik itu.

Bagaimanapun, sikapnya itu berubah apabila melihat betapa penuntut seperti yang amat diperlukan negara untuk mengisi ruang kosong yang ditinggalkan pegawai Inggeris.

Nyata, selepas kembali ke tanah air, ruang terbuka untuk pelajar seperti mengisi jawatan tertinggi dalam pentadbiran kerajaan dan kementerian penting.

"Oleh kerana saya mengambil jurusan ekonomi, minat saya terarah untuk berkhidmat di Kementerian Kewangan.

"Awalnya saya masuk di Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat, tetapi akhirnya saya diterima ke Perbendaharaan," katanya.

Dan, antara tugas yang tidak dapat dilupakan di Kementerian Kewangan ketika itu ialah menyertai panel Jawatankuasa Kerja Khas untuk merangka dan menyediakan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

"Masa itu kami bekerja secara intensif selama hampir setahun untuk menyediakan dasar yang amat penting itu.

"Bagi saya, saya dan DEB membesar bersama. DEB ibarat bayi kepada saya," katanya.

Katanya, selepas bersama sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Pengangkutan pada 1989, beliau dilantik pula menjadi Ketua Pegawai Eksekutif Bank Buruh sebelum menyertai Kumpulan Sungei Way sebagai Penasihat Korporat.

Katanya, selain gigih bertugas, beliau turut mencurahkan ilmu ekonominya melalui tulisan untuk dirujuk oleh generasi akan datang.

Tidak hairanlah, sejak lima tahun lalu, Navaratnam sudah menghasilkan tiga buku ilmiah ekonomi bertajuk *Managing The Malaysian Economy* (1997); *Strengthening The Malaysian Economy* (1998) dan *Healing The Wounded Tiger* (1999).

Menurutnya, satu lagi buku yang dijangka dipasarkan kira-kira dua minggu lagi bertajuk *Malaysian Economy Recovery and Stabilities*, manakala buku autobiografinya yang sedang pada peringkat draf akhir.

Malah, kepada pembaca akhbar, nama Navaratnam terpampang sebagai kolumnis ekonomi di *The New Straits Times* setiap bulan.

"Minat menulis ini sebenarnya terbit sejak saya di Perbendaharaan lagi. Pada masa itu saya sering memberi taklimat laporan Belanjawan kepada pengarang dan wartawan.

"Jadi ada di antara mereka meminta saya menterjemahkan kepakaran dan ilmu ekonomi saya itu dalam bentuk tulisan," katanya.

Ditanya sama ada jiwanya yang ketagih bekerja itu menimbulkan masalah kepada isterinya, Puan Sri Samala, 65, Navaratnam berkata: "Dia tidak kisah. Yang saya lakukan bukan mengejar wang ringgit kerana yang dimiliki sudah mencukupi.

"Saya menulis buku tanpa satu sen saya ambil, semuanya saya derma untuk kebajikan," katanya yang hanya sesekali bermain golf dan ke kelab untuk berjumpa rakan.

BIODATA

- **NAMA:** Tan Sri Ramon Navaratnam
- **UMUR:** 65 tahun
- **LAHIR:** Hulu Langat, Selangor
- **PENDIDIKAN:** Victoria Institution, Kuala Lumpur; Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya Singapura (1959); Diploma Royal Institute of Public Administration London (1963); Sarjana Pentadbiran Awam Universiti Harvard (1969)
- **PENGALAMAN:** Penolong Setiausaha Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat (1959-61); Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kewangan (1961-1972); Setiausaha Rendah Perbendaharaan (1972-78); Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (1979-1986); Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan (1986-89); Ketua Pegawai Eksekutif Bank Buruh (M) Bhd (1994-95)
- **Jawatan kini**
Penasihat Korporat Kumpulan Sungei Way (1994 hingga kini)
- **Kegiatan lain**
Ahli Lembaga Perundingan Ekonomi Kebangsaan Kedua (Mapen II); Bekas Naib Presiden Kelab Harvard Malaysia; bekas Pengarah Eksekutif (Gantian) Bank Dunia bagi rantau Asia Tenggara (1971-72).